

Antologi Skrip Teater Juara

Penulis:

Rosdi Abdullah

Emel:

rosde@uthm.edu.my

Abstrak: Naskhah Antologi Skrip Teater: Juara merupakan buku yang menghimpunkan empat naskhah skrip teater yang pernah menjuarai pertandingan teater di peringkat negeri dan kebangsaan oleh Kumpulan Teater Pusat Kebudayaan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di bawah arahan Eddy Rusdi Abdullah, iaitu penulis skrip keempat-empat teater tersebut. Skrip pertama, iaitu 3 Leftenan Yang Tidak Didendang adalah skrip teater pendek yang mengisahkan tentang perjuangan tiga orang tentera yang telah berjuang mempertahankan negara bersama Leftenan Adnan. Skrip kedua, iaitu Bukit Kepong Antara Darah Dan Sejarah adalah skrip teater pendek yang mengisahkan tentang perjuangan anggota polis di Balai Polis Bukit Kepong yang menentang komunis. Skrip yang ketiga, Janin (Bisikan Qarin) pula mengisahkan tentang perlakuan zina adaptasi daripada surah Al-Israq dan skrip keempat pula, Ningrat yang mengisahkan tentang Abdul Rahman Andak yang merupakan penasihat kepada Sultan dan seorang pejuang yang memartabatkan bahasa Melayu serta mempunyai semangat patriotik yang tinggi dalam memelihara kedaulatan negeri Johor.

Kata Kunci: Skrip, kisah, patriotik, antologi, perjuangan

Antologi
Skrip Teater JUARA

ROSDI ABDULLAH



Penerbit
UTHM

Antologi
**Skrip
Teater
JUARA**



Antologi
**Skrip
Teater
JUARA**

ROSDI ABDULLAH



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Penulis:
ROSDI ABDULLAH

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: Pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-12-2



Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>xi</i>
BAB 1	
3 Leftenan yang tidak didendang	1
BAB 2	
Bukit Kepong antara darah dan sejarah	11
BAB 3	
Janin (Bisikan Qarin)	21
BAB 4	
Ningrat	49
PENUTUP	73
LAMPIRAN	
Gambar Produksi Pementasan Teater:	
1. 3 Leftenan yang tidak didendang	75
2. Bukit Kepong antara darah dan sejarah	76
3. Janin (Bisikan Qarin)	77
4. Ningrat	78
<i>Biografi Pengarang</i>	81





Prakata

Setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Antologi Skrip Teater: Juara ini berjaya diterbitkan.

Buku ini menghimpunkan empat naskhah skrip teater terbaik yang telah menjuarai pelbagai pertandingan teater yang diwakili oleh Kumpulan Teater UTHM, Pusat Kebudayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Buku ini juga diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada para pelajar mahupun pemain pentas sebagai bahan pendidikan dan pementasan untuk persembahan program pelajar atau pementasan profesional. Antara skrip teater yang terdapat dalam buku ini, adalah *3 Leftenan yang Tidak Didendang*, *Bukit Kepong Antara Darah dan Sejarah*, *Janin (Bisikan Qarin)* dan *Ningrat*. Keempat-empat teater berikut merupakan Juara bagi pertandingan teater, seperti Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Kebangsaan Tahun 2020 (Teater *Bukit Kepong Antara Darah dan Sejarah*), Pengisahan Kenegaraan Peringkat Negeri Johor Tahun 2019 (Teater *3 Leftenan Yang Tidak Didendang*), Pertandingan Festival Negeri Johor Tahun 2015 (Teater *Ningrat*) dan Pertandingan Festival Negeri Johor Tahun 2012 (Teater *Janin Bisikan Qarin*).

Kejuaraan bagi setiap teater adalah berasal daripada skrip teater yang berkualiti yang sememangnya menjadi penentu kejayaan sesebuah pementasan. Oleh hal yang demikian, terhasilnya buku *Antologi Skrip Teater: Juara* ini yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar IPTA, IPTS, mahupun peringkat sekolah bagi mendapatkan skrip terkini untuk dipentaskan pada program pelajar atau sebagai bahan bacaan dan pengajaran subjek di dalam kelas.

Diharapkan buku ini mampu menjadi rujukan kepada semua penggiat teater untuk mementaskan teater yang terdapat dalam Antologi Skrip Teater: Juara. Sehubungan itu, kepada mana-mana pihak yang berhasrat untuk mementaskan teater daripada Antologi Skrip Teater: Juara ini, boleh memaklumkan kepada penulis melalui e-mel di *rosde@uthm.edu.my*

Akhir kata, semoga Antologi Skrip Teater: Juara ini dapat memberikan manfaat kepada semua pelajar dan penggiat seni teater.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan buku ini secara langsung ataupun tidak. Bagi skrip *3 Leftenan Yang Tidak Didendang*, diucapkan ribuan terima kasih kepada Mutiah Jamil dan Izzliyana Azzharif, Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada Mohd Najib Sufian dan Andikasaputra Junaidi bagi skrip *Janin (Bisikan Qarin)*. Bagi skrip teater *Ningrat*, diucapkan ribuan terima kasih kepada Rohaidah Yon dan Rahimah Muda atas idea asal mereka. Tidak ketinggalan juga diucapkan kepada pihak Jabatan Penerangan Malaysia di atas sokongan dalam teater *3 Leftenan Yang Tidak Didendang* dan teater *Bukit Kepong Antara dan Sejarah*.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Timbalan Naib Censelor Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), iaitu Profesor Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail dan Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti, iaitu Dr. Mohd Nizam bin Attan kerana telah memberikan kepercayaan kepada Kumpulan Teater UTHM untuk bertanding di peringat negeri dan kebangsaan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada staf-staf dan para pelajar latihan industri di Pusat Kebudayaan Universiti, iaitu Mastika Adilah dan Aisyah Nabila Zaiton yang telah membantu dalam penghasilan Antologi Skrip Teater: Juara ini. Tidak dilupakan kepada semua para pelajar yang terlibat sebagai pelakon, teknikal dan krew dalam pementasan skrip-skrip teater ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli keluarga yang banyak bertolak ansur dan memberi sokongan dalam pembikinan antologi ini, terutamanya isteri, Nur Atikah Bt Abd Syukor, anak-anak tersayang, Sarah Orked, Jebat Maliq, Rumi Yusof dan Tuah Muhammad. Buku ini juga adalah didikasi buat jasa bakti Allahyarhamah ibu Sara Bt Abd Rahman dan Allahyarham ayah Abd Wahab Bin Md Yusof. Terima Kasih juga buat semua pembaca buku ini, Semoga buku ini memberi manfaat dan menjadi kebanggaan kepada semua.

Pengenalan

Buku ini mengandungi empat naskhah skrip teater yang terdiri daripada *3 Leftenan yang Tidak Didendang* yang mengisahkan tentang perjuangan tiga orang askar Melayu yang telah berjuang mempertahankan tanah air bersama Leftenan Adnan, namun nama mereka tidak dijulang, seperti Leftenan Adnan. Tiga orang askar Melayu yang tidak dikenali dalam kalangan generasi muda ini ialah Leftenan Ibrahim Alla Ditta, Leftenan Yazid Ahmad dan Leftenan Ali Sharafat. Mereka telah diberi misi untuk menyelamatkan hampir 2,000 anggota Tentera Berikat. Kisah perjuangan tiga orang askar Melayu ini berlaku semasa Pertempuran Muar (*The Battle of Muar*), iaitu pertempuran besar terakhir semasa Kempen Malaya yang ketika itu, Tentera Berikat dipimpin oleh tentera British di bawah pemerintahan Mejah Jeneral Gordon Bennett. Setelah segala usaha dilakukan, mereka berjaya membawa hampir 2,000 anggota Tentera Berikat keluar dari kepungan Tentera Jepun dengan bantuan beberapa buah kapal. Namun, Tentera Udara Jepun telah menyerang mereka tanpa diduga, dan akhirnya kesemua kapal yang dinaiki mereka musnah dan tenggelam di lautan.

Seterusnya, skrip *Bukit Kepong Antara Darah dan Sejarah* pula merupakan skrip teater pendek yang mengisahkan tentang perjuangan anggota polis di Balai Polis Bukit Kepong dalam menentang pengganas komunis. Dalam kejadian tersebut seramai 25 anggota polis dan orang awam telah terkorban. Pengganas komunis turut melancarkan serangan dari setiap penjuru. Pihak polis juga telah memberikan tentangan yang hebat dalam pertempuran ini. Pengganas komunis juga berkali-kali memaksa anggota polis untuk menyerah diri namun tidak diendahkan. Yusof Rono merupakan salah seorang anggota polis yang mempunyai semangat juang yang tinggi. Yusof Rono telah membantu seorang anggota polis, iaitu Abu Bakar yang cedera parah. Pengorbanan besar yang telah dilakukan oleh para anggota polis serta orang awam telah menjadi bukti sejarah perjuangan di Bukit Kepong demi kemerdekaan


di tanah air.

Skrip *Janin (Bisikan Qarin)* pula mengisahkan tentang perlakuan zina yang merupakan adaptasi Surah Al-Israq. Adam dan Sofia merupakan pasangan kekasih yang hidup secara bebas. Kisah bermula apabila Sofia telah membuang bayinya yang masih hidup bersama kekasihnya, Adam. Sofia mula mengenali Linda dan Zack ketika dia berada di kawasan longgokan sampah di belakang bangunan. Linda telah dibuang daripada keluarga apabila dia didapati mengandungkan anak luar nikah. Pada suatu hari, Linda ditemui mati selepas menelan 20 biji pil ekstasi. Zack pula telah bermimpi Pak Atan (Ayah Linda) bersama kuncu-kuncunya datang menemuinya lalu menembak dia, Adam dan Sofia. Pada akhirnya, Zack, Adam dan Sofia telah ditangkap oleh pihak polis dan mereka dijatuhi hukuman di atas kesalahan yang dilakukan.

Skrip teater yang keempat, *Ningrat* mengisahkan tentang Abdul Rahman bin Andak yang bergelar Dato' Seri Amar Diraja. Gelaran ini telah diberikan oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1982 di atas perkhidmatannya yang terbaik sebagai pembesar di negeri Johor. Beliau merupakan orang Melayu pertama yang mendapat pendidikan Inggeris pada tahun 1870. Oleh hal yang demikian, beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai Inggeris dan pedagang asing di negeri Johor. Beliau juga merupakan penasihat kepada Sultan dan seorang pejuang yang memartabatkan bahasa Melayu serta mempunyai semangat patriotik yang tinggi dalam memelihara kedaulatan negeri Johor. Awang merupakan seorang pekerja di bawah Abdul Rahman bin Andak. Dia didapati bersubahat dengan Gabenor Anderson untuk menyingkirkan Abdul Rahman bin Andak daripada mengawal selia pentadbiran negeri Johor. Pada suatu hari, Anderson telah menyerang Abdul Rahman bin Andak dan mengikatnya. Awang mati di tempat kejadian kerana ingin melindungi Abdul Rahman bin Andak daripada ditembak. Kemudian, Anderson dan Abdul Rahman bin Andak keluar dari pejabat itu. Abdul Rahman bin Andak telah dibersarkan dan dihantar ke London.

1 *3 Letenan yang Tidak Didendang*

Penulis Skrip: Eddy Rusdi Abdullah



Rujukan Utama: Buku Askar Melayu 50 tahun oleh Abdul Samad Idris
(Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan)



Juara Pengisahan Kenegaraan Negeri Johor 2019

2

Bukit Kepong antara Darah dan Sejarah

Penulis Skrip: Eddy Rusdi Abdullah



JUARA PENGISAHAN KENEGARAAN KEBANGSAAN 2020

Janin (Bisikan Qarin)

Penulis skrip: Eddy Rusdi Abdullah



Drama UTHM terbaik

Pulau Pinang: Monodrama bertajuk 'Dendam Neraka' berjaya membawa tuah kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) apabila meraih Anugerah Persembahan Terbaik.

Drama itu meraih hadiah pada Festival Monodrama Pendidikan Tinggi - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2012.

Monodrama karya, arahan serta lakonan Eddy Rusdi Abdullah yang juga tenaga pengajar Pusat Koku rikulum UTHM itu menceritakan tentang hidup remaja bernama Adam, yang dihantui dendam terhadap ayahnya yang selalu mendera ibunya.

Lakon enam watak

Eddy yang melakonkan enam watak secara terus menerus dalam persembahan itu bersama-sama wakil mahasiswa iaitu Andika Samsul, Najib Supian dan Zulhilah Zifre dan seorang lagi tenaga pengajar, Rosdi Abdullah.

Eddy berkata, monodrama mungkin baru dalam kalangan peminit teater Malaysia tetapi genre itu menarik untuk ditonton kerana monodrama bukan seperti monolog.

Monodrama ialah lakonan seorang pelakon yang melancong banyak watak dalam satu cerita.

Katanya, selain Dendam Neraka, UTHM turut mempersembahkan satu lagi monodrama bertajuk Seliar Jepun Tok Wan lakonan Najib Supian dan karya serta arahan Rosdi Abdullah.

Turut meraih kempening dalam kategori sama ialah Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Terengganu Malaysia.

JUARA FESTIVAL TEATER NEGERI JOHOR 2012



4

Ningrat

Penulis Skrip: Eddy Rusdi Abdullah

UTHM raih tiga anugerah dalam Festival Teater Negeri Johor 2015



Mereka yang terlibat dalam persembahan teater berkenaan bergambar kenangan setelah berjaya merangkul tiga anugerah.

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya melakar sejarah tersendiri apabila meraih tiga anugerah dalam Festival Teater Negeri Johor 2015.

Tiga anugerah berkenaan ialah Juara Keseluruhan, Pengarah Terbaik dan Sinografi Terbaik.

Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Profesor Madya Dr Ahmad Esa berkata, teater bertajuk ‘Sang Ningrat’ Abdul Rahman Andak berkenaan mengisahkan perjuangan seorang tokoh ternama negeri Johor sebelum merdeka.

“Dalam kategori Pengarah Terbaik,

kumpulan teater yang diketuai tenaga pengajar juga berperanan sebagai pengarah teater iaitu Rosdi Abdullah mempunyai pengalaman luas sewaktu berada di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Sementara itu, memenangi kategori Sinografi Terbaik memang di luar jangkaan kami, ini kerana bukan mudah untuk pelajar dari aliran teknikal untuk melakukannya,” katanya.

Menurut Rosdi, dengan melibatkan diri dalam seni persembahan pentas ini, ia mampu meningkatkan tahap berkomunikasi dalam kalangan pernurut, se-

lain interpersonal dan intrapersonal.

Katanya, kemahiran berkenaan sebagai persediaan untuk penuntut menghadapi alam pekerjaan kelak.

“Pertandingan sebegini dapat memberi peluang kepada mereka untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan kelab dan persatuan serta dapat menjadikan mereka lebih kreatif dan tidak hanya bergantung kepada bidang akademik sahaja,” katanya.

Dalam pada itu, persembahan teater daripada kumpulan UTHM ini ia melibatkan 18 pelakon yang terdiri daripada penuntut dan juga kakitangan di beberapa fakulti.

JUARA FESTIVAL TEATER NEGERI JOHOR 2015

Rujukan Skrip: Rohaidah Yon & Rahimah Muda




Penutup

Antologi Skrip Teater: Juara merupakan sebuah naskhah yang menghimpunkan empat naskhah skrip teater yang pernah menjuarai pertandingan teater di peringkat negeri dan kebangsaan oleh Kumpulan Teater Pusat Kebudayaan Universiti, UTHM di bawah arahan Eddy Rusdi Abdullah, iaitu penulis skrip teater-teater tersebut. Malah, teater-teater ini juga pernah merangkul beberapa anugerah, seperti Anugerah Pelakon Terbaik, Pengarah Terbaik Dan Sinografi Terbaik. Akhir sekali, skrip-skrip ini sememangnya sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran dan dipentaskan untuk persempahan dan pertandingan teater.

LAMPIRAN GAMBAR PRODUKSI PEMENTASAN TEATER

1. 3 LEFTENAN YANG TIDAK DIDENDANG



Pementasan Teater 3 Leftenan yang Tidak Didendang



Teater 3 Leftenan yang Tidak Didendang telah menjuarai pertandingan Pengisahan Kenegaraan Jabatan Penerangan Negeri Johor 2019.

2. BUKIT KEPONG ANTARA DARAH DAN SEJARAH




Pementasan Teater Bukit Kepong antara Darah dan Sejarah secara *hybrid*



Pementasan Teater Bukit Kepong Antara Darah dan Sejarah secara *hybrid* telah menjuarai pertandingan Pengisahan Kenegaraan Jabatan Penerangan peringkat kebangsaan 2020.

3. JANIN (BISIKAN QARIN)



Pementasan Teater Janin (Bisikan Qarin)



Teater Janin (Bisikan Qarin) telah menjuarai pertandingan Festival Teater Negeri Johor 2012.



4. NINGRAT



Pementasan Teater Ningrat



Teater Ningrat telah menjuarai pertandingan Festival Teater Negeri Johor 2015.

Biografi Pengarang



ROSDI BIN ABDULLAH atau nama penanya Eddy Rusdi, berasal dari Felda Endau Mersing Johor, berpengalaman luas dalam bidang seni persembahan sejak tahun 2002, mempunyai diploma teater dari Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan – ASWARA, Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan Drama Universiti Malaya, Master Pendidikan Teknikal Dan Vokasional FPTV UTHM (Kajian Teater). Pernah mengarah dan berlakon lebih 50buah teater teater di sekitar Kuala Lumpur, pernah juga berlakon teater di Istana Budaya, MTC jalan Ampang Kuala Lumpur, Panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan banyak lagi. Beliau pernah dinobatkan Penulis Skrip Terbaik Festival Teater Universiti Malaya 2010, Pengarah Teater Terbaik Festival Teater Universiti Malaya 2011, Senografi Terbaik Festival Teater Negeri Johor 2015 dan Pengarah Teater Terbaik Festival Teater Negeri Johor 2015.

Banyak menulis skrip teater, puisi, drama tv dan lirik lagu. Kejayaan dalam bidang penulisan dibuktikan apabila dianugerahkan Lirik Lagu Ciptaan Terbaik Busking Challenge MAKUM 2018, Johan Festival Teater Peringkat Negeri Johor 2012, Johan Festival Peringkat Teater Negeri Johor 2015, Johan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Negeri 2019 dan Johan Pengisahan Kenegaraan Malaysia (Kebangsaan) 2020 hasil dari penulisan skrip beliau. Bukan sahaja menyertai pertandingan, malah lebih 30buah skrip teater beliau pernah dipentaskan.

Mendapat pendidikan formal dalam bidang penulisan dari tokoh penulisan ternama negara seperti Zakaria Arifin, Zubir Ali, Mahadi J. Murat, Adman Salleh, Dr. Roselina Johari Md Khor dan ramai lagi.

Pernah mengambil matapelajaran penulisan skrip teater, penulisan skrip filem, penulisan drama TV, penulisan kreatif dan penulisan lirik lagu di ASWARA dan Universiti Malaya.

Berkhidmat di Pusat Kebudayaan UTHM dari tahun 2013 dan telah mencipta pelbagai kejayaan peribadi seperti memenangi Anugerah Penulisan (Emas) 2019, Anugerah Pentadbir Perdana (Perak) 2019, Anugerah Inovasi (Gangsa) 2019, Anugerah Pentadbir Harapan (Emas) 2021, Anugerah Kebudayaan (Emas) 2021 dan Anugerah Penulisan (Perak) 2021 di Majlis Anugerah Pentadbir UTHM. Pernah juga mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM pada tahun 2017 dan sekali lagi pada tahun 2020 di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM. Selain itu beliau juga pernah memenagi anugerah Penasihat Kelab Dan Persatuan Terbaik pada tahun 2019 dan sekali lagi pada tahun 2022 di Anugerah Inspirasi Mahasiswa UTHM.